

**UCAPAN OLEH  
YABHG TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
DI MAJLIS PENGANUGERAH IJAZAH KEHORMAT DR UNDANG-UNDANG  
OLEH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
PADA HARI JUMAAT, 30 APRIL 2004**

-----

Terlebih dahulu saya ingin ucap berbanyak terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menganugerahkan kepada saya Ijazah Doktor Undang-Undang Kehormat.

2. Dengan izin saya ingin bercakap sedikit berkenaan undang-undang, khususnya "The Rule of Law" yang semua negara-negara di dunia di kehendaki mendokong jika ingin mengelak daripada tekanan pihak-pihak tertentu.

3. Kita hidup sekarang dalam zaman undang-undang, zaman pemerintahan oleh undang-undang, "the Rule of Law". Seperti biasa idea dan konsep ini dicipta dan diperkenal oleh etnik Eropah, dan mereka seperti biasa juga berpendapat bahawa pemerintahan berundang-undang yang disarankan oleh mereka akan menyelesaikan semua kepincangan dalam masyarakat. Dahulu mereka dakwa sistem Sosialis dan Komunis boleh selesaikan masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat. Berpuluh juta terbunuh untuk memaksa penerimaan ideologi ini. Kemudian mereka sendiri menolak sosialisma dan komunisma dan memaksa dunia terima kapitalisma, demokrasi, globalisasi dan lain-lain termasuk "Rule of Law". Mereka sanggup berperang lagi mengenakan tekanan "sanction", menghasut rakyat supaya mengguling Kerajaan yang sedia ada supaya "the rule of law" dapat dikuatkuasakan. Bahawa tindakan mereka kerap kali tidak mematuhi "the Rule of Law" yang mereka anjurkan tidak dihiraukan oleh mereka, "The end justifies the means" adalah pegangan mereka.

4. Tetapi benarkah "the Rule of Law" ini dapat menyelesaikan kepincangan dalam masyarakat, menjamin keadilan dan membawa kebahagiaan?

5. Apabila manusia hidup dalam masyarakat, keamanan dan keadilan dalam masyarakat boleh terjejas kerana yang kuat, yang kaya atau yang berkuasa akan menindas yang lemah, miskin dan tidak berkuasa. Oleh itu masyarakat yang primitif biasanya dikawal oleh adat resam yang diwarisi tetapi tidak ditulis secara sistematik. Daripada kawalan adat ini akhirnya datanglah undang-undang yang tertulis yang di zaman ini dibuat oleh badan-badan perundangan khas seperti dewan-dewan undangan dan parlimen. Dalam sistem feudal atau diktator undang-undang dibuat secara "decree" oleh pihak yang berkuasa.

6. Undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan atau pihak berkuasa feudal tidak semestinya baik atau adil. Hukuman yang dikenakan biasanya dipengaruhi oleh budaya dan sistem penilaian semasa masyarakat berkenaan. Demikian agama Yahudi, Nasrani dan Islam memperuntukkan hukuman rejam dengan batu bagi yang berzina. Di zaman gelap di Eropah pencuri kambing boleh dihukum bunuh. Tetapi di zaman ini hukuman ke atas penjenayah amatlah ringan. Justeru itu undang-undang yang dianggap baik dan adil di satu zaman mungkin dianggap keterlaluan di zaman lain. Ini bermakna pemerintahan mengikut undang-undang tidak semestinya baik atau adil.

7. Walaupun dalam demokrasi Perlembagaan menentukan hanya badan perundangan sahaja yang boleh membuat undang-undang, tetapi badan kehakiman, yang ditugas untuk membicारा dan menjatuhkan hukuman dibawah undang-undang yang sedia ada, kadang-kadang tidak senang hati dengan undang-undang yang dibuat dan diluluskan oleh badan perundangan secara sah mengikut perlembagaan. Oleh itu badan Kehakiman kadang-kadang dengan cara tertentu menidak atau melumpuhkan undang-undang. Dan badan kehakiman mencipta kuasa bagi badan itu membuat apa yang dikenali sebagai "judicial review" atau semakan semula undang-undang. Dengan itu hak rakyat untuk membentuk undang-undang melalui wakil-wakil yang dipilih oleh mereka dicabul dan diketepikan. Kita harus soal apabila hakim menidakkan undang-undang yang sah, apakah pemerintahan mengikut undang-undang berlaku?

8. Mungkin kuasa yang diguna oleh badan kehakiman ini menghasilkan undang-undang yang lebih adil. Tetapi apakah jaminan yang ini akan berlaku? Hakikatnya ialah sementara rakyat boleh menolak wakil-wakil mereka yang membuat undang-undang di waktu pilihanraya jika mereka tidak puas hati dengan prestasi atau undang-undang yang digubal oleh mereka, hakim, setelah dilantik bebas daripada sebarang kritik atau tindakan oleh sesiapa. Rakyat tidak boleh menukar hakim, bahkan Parlimen dan Kerajaan juga tidak boleh menukar hakim. Hanya hakim sahaja yang boleh mendisiplinkan hakim melalui proses yang amat rumit sehingga secara praktis ia jarang digunakan. Oleh kerana ini jika hakim menidakkan hak badan perundangan atau meminda undang-undang sukar bagi sesiapa membuat apa-apa. Supaya kuasa hakim terkawal, rayuan dibenarkan kepada badan kehakiman yang lebih tinggi. Akhir sekali di Malaysia rayuan boleh dibuat kepada Majlis Pengampunan.

9. Undang-undang juga boleh dilumpuh dan dinafi melalui interpretasi oleh pihak-pihak yang terlibat dengan proses penguatkuasaannya. Tujuan sesuatu undang-undang diadakan tidak dianggap sama penting dengan perkataan-perkataan yang diguna dalam undang-undang berkenaan. Dengan itu tujuan dan matlamat undang-undang diadakan mungkin tidak tercapai kerana tafsiran terhadap perkataan atau ayat dalam undang-undang dibuat secara berlainan.

10. Bagi peguam yang pintar pelbagai cara boleh digunakan untuk mempertahankan pihak yang tertuduh. Tafsiran yang berbeza boleh menentukan maksud undang-undang. Proses perbicaraan boleh diguna untuk menentukan tujuan undang-undang tidak tercapai. Sedikit sebanyak saksi boleh diugut secara tidak langsung. Dan bermacam lagi cara yang boleh diguna supaya sebenarnya undang-undang tidak berkesan dalam pemerintahan negara.

11. Di zaman ini media juga boleh memainkan peranan dalam menentukan samada pemerintahan mengikut undang-undang dapat dilaksanakan atau tidak. Pihak tertuduh boleh dihukum salah atau tidak kerana sentimen yang diwujudkan oleh media semasa perbicaraan.

12. Di Malaysia terdapat undang-undang pencegahan atau "preventive laws". Undang-undang ini bertujuan mencegah jenayah sebelum ia berlaku. Undang-undang biasa menanti sehingga jenayah berlaku sebelum dikuatkuasakan. Tetapi jika diketahui secara jelas ada pihak yang akan melakukan jenayah, termasuk pembunuhan beramai-ramai dengan meletupkan bom umpamanya, apakah masyarakat perlu menunggu sehingga beberapa daripada anggotanya terbunuh sebelum tindakan diambil? Bagi yang terbunuh hukuman keatas penjenayah tidak ada makna lagi.

13. Undang-undang pencegahan masih juga undang-undang yang telah dibuat dan dilulus melalui proses biasa. "The Rule of Law" masih dipatuhi dalam pengwujudan undang-undang

ini. Namun ramai yang berpendapat undang-undang pencegahan tidak adil walaupun majoriti rakyat secara langsung dan tidak langsung merestuinnya.

14. Negara-negara maju sering mengecam undang-undang pencegahan. Tetapi hari ini oleh kerana mereka terancam dengan keganasan dan aneka jenis jenayah yang boleh merosakkan negara mereka, mereka tidak segan-segan membiarkan Kerajaan mereka tanpa undang-undang, tanpa "Rule of Law" memasukkan dalam tahanan orang yang belum melakukan jenayah tetapi disyaki oleh mereka akan melakukan jenayah.

15. Di Amerika Syarikat, pada tahun 1996 satu undang-undang yang bernama "The Effective Death Penalty and Anti-Terrorism Act (Public Law 104 – 132)" memperuntukkan seperti berikut :

The Bill authorises the Justice Department to pick and choose crimes to :

- Investigate and persecute based on political beliefs and associations ;
- Loosen the carefully crafted rules governing federal wiretaps;
- Give the President un-reviewable power to criminalise fund raising for lawful activities associated with unpopular causes.
- Renege on the Administration's approval in the last Congress of a provision to ensure that the FBI would not investigate based on First Amendment activities.

16. Amerika Syarikat juga meluluskan undang-undang yang bernama Liberation of Iraq Act of 1998 (jauh sebelum 9/11 – 2001) yang "Conferred on the U.S. Government the authority to invade Iraq and enforce a regime change there to".

17. Semua ini adalah undang-undang yang sah tetapi apakah penguatkuasaannya membawa kepada keadilan dan kesejahteraan pemerintahan?

18. Kita menyaksikan kuasa besar membuat undang-undang yang lebih "draconian" dan yang memberi kuasa kepada mereka bertindak di luar wilayah milik mereka. Ini adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa yang menghadkan penguatkuasaan undang-undang kepada negara dan wilayah sendiri sahaja.

19. Melalui undang-undang "extra-territorial" ini kuasa besar berkenaan telah menghantar tentera ke sebuah negara kecil untuk menangkap presidennya dan membawa presiden berkenaan ke negara kuasa besar untuk dibicara di bawah undang-undang negara itu. Beberapa orang juga telah diculik oleh negara besar untuk dibawa mengadap dan dihukum oleh mahkamah dibawah undang-undang kuasa besar. Persetujuan negara dimana penculikan dibuat tidak diperlukan dibawah undang-undang kuasa besar.

20. Jika negara yang lemah mempunyai undang-undang yang sama apakah kuasa besar akan membenarkan rakyatnya di negaranya diculik untuk dibicara dan dihukum di negara lemah? Jelas sekali terdapat kontradiksi dalam "Rule of Law" yang menjadikan pelaksanaannya tidak sebaik seperti yang didakwa.

21. Dalam satu kes lagi, seorang rakyat Pakistan telah membunuh rakyat Amerika Syarikat di Pakistan. Dia telah ditangkap oleh Kerajaan Pakistan tetapi dia tidak dibicara di Pakistan di bawah undang-undang negara itu. Sebaliknya dia telah diekstradisi ke Amerika Syarikat untuk dibicara. Di Amerika Syarikat ada negeri yang telah menghapuskan hukum bunuh dan ada yang masih mengenakan hukum bunuh. Dengan sengaja Amerika Syarikat memilih untuk

perbicaraan diadakan di negeri yang hukum bunuh masih dikuatkuasakan. Ini bermakna penguatkuasaan undang-undang boleh dipilih-pilih tanpa undang-undang. Pihak yang dituduh didapati bersalah dan dalam jangkamasa yang singkat hukuman bunuh ini dilaksanakan.

22. Mungkin semua proses ini menepati undang-undang. Tetapi apakah proses yang ditakluk oleh “rule of law” dapat menjamin keadilan dalam sesebuah negara sehingga ia mesti diamalkan?

23. Slogan “Rule of Law” atau pemerintahan mengikut undang-undang bunyinya baik tetapi apakah menguatkuasakan undang-undang seperti yang diadakan oleh kuasa besar baik dan adil? Demikian juga terdapat banyak undang-undang yang sah seperti contoh yang disebut tetapi perlaksanaanya akan menyebabkan ketidakadilan berlaku.

24. Yang perlu dikembangkan bukan “the Rule of Law” tetapi prinsip dan konsep keadilan. Undang-undang mestilah mematuhi konsep dan takrif keadilan yang boleh diterima oleh masyarakat manusia di suatu-suatu zaman. Sementara konsep dan takrif ini perlu diterima oleh dunia nilai-nilai yang dipegang oleh satu-satu negara perlu diterima juga. Demikian hari ini di negara etnik Eropah amalan homoseks diterima sebagai tidak salah. Tetapi di negara bukan etnik Eropah ia adalah salah.

25. Undang-undang Tuhan memang adil. Tetapi manusia yang menguatkuasakan undang-undang Tuhan boleh dengan sengaja atau tidak sengaja menyalahafsirkan, atau menyalahguna undang-undang ini. Bukan undang-undang Tuhan yang salah. Yang salah dan tidak adil adalah tafsiran manusia terhadap undang-undang ini dan kelemahan yang ada pada mereka.

26. Prinsip utama undang-undang Tuhan ialah apabila menghukum, hukumlah dengan adil. Kebanyakan pentafsir Al-Quran lebih utamakan proses dan prosidur penghakiman daripada keadilan. Pendirian mereka ialah asalkan prosidur dan proses diikuti, adil atau tidak adil tidak mengapa.

27. Apakah adil jika seorang wanita yang dirogol membuat tuduhan terhadap perogol yang dikenali olehnya tetapi oleh kerana tidak ada saksi yang layak maka bukan sahaja tuduhan itu ditolak, tetapi wanita berkenaan dipersalahkan kerana membuat tuduhan yang tidak disahkan oleh saksi-saksi. Kerana kesalahan ini maka wanita itu dikenakan hukum sebat. Apakah hukum ini adil? Jika tidak adil apakah ia menepati kehendak ajaran Islam iaitu apabila menghukum hukumlah dengan adil?

28. Jika kemudian wanita itu hamil, maka dia boleh dituduh berzina yang mana hukumannya ialah rejam dengan batu sampai mati. Apakah ini adil? Jika tidak, menepati Islamkah hukuman ini?

29. Selain daripada menjadikan zaman ini zaman keagongan undang-undang kita juga berada di zaman sains dan teknologi. Kita boleh mengguna pesawat terbang untuk mengerjakan haji dan umrah, bercakap atau menghantar SMS (short-message service) melalui telefon bimbit beribu batu, dan lain-lain lagi yang tidak ada di zaman Nabi. Bahawa kita tidak naik unta atau keldai atau kuda dalam perjalanan kita semasa mengerjakan haji tidak menidakkan ibadat haji dan umrah kita. Kerana kemudahan-kemudahan inilah maka lebih ramai daripada umat Islam dapat membuat ibadat dengan sempurna.

30. Sains dan teknologi juga memperkenalkan cara-cara baru untuk memastikan siapa yang melakukan sesuatu jenayah. Dengan proses DNA kita boleh menentukan siapa dianya perogol melalui kesan darah dan lain-lain di badan mangsa rogol. Apakah kita akan menolak bukti daripada DNA ini kerana mangsa tidak dapat membawa empat orang saksi yang bebas daripada dosa besar?

31. Dalam Al-Quran diriwayatkan berkenaan Nabi Yusuf dan Zulaikha. Oleh kerana baju Nabi Yusuf koyak disebelah belakang, maka ini diterima sebagai bukti Zulaikha yang mengejar Yusuf dan bukan sebaliknya. Dengan penerimaan bukti ini maka keadilan yang dituntut oleh agama Islam tercapai.

32. Apakah penerimaan bukti daripada DNA bertentangan dengan Islam, dan mangsa rogol terus didapati bersalah dan dihukum? Apakah ini yang dikatakan adil dalam Islam?

33. Undang-undang Islam tetap adil dan tidak salah tetapi tafsiran oleh manusia biasa walau bagaimana terpelajar sekalipun yang menampakkan undang-undang Islam tidak adil dan salah. Jika undang-undang Tuhan boleh disalahtafsir apatah lagi undang-undang manusia. Sudah tentu ia lebih cacat lagi kerana ia boleh, dengan mudah diputarbelit oleh pengamal-pengamalnya di pelbagai peringkat. Undang-undang boleh membantu proses mencari keadilan tetapi tidak untuk menjamin keadilan tercapai.

34. Kita boleh utamakan undang-undang tetapi dengan syarat undang-undang itu adil, dapat dikuatkuasakan oleh pihak penghakiman dengan adil, dan mendatangkan manfaat kepada masyarakat. Menjunjung "The Rule of Law" secara butatuli, kerana disarankan oleh etnik Eropah akan menyebabkan ketidakadilan berlaku dalam masyarakat dengan kesan-kesan lain daripada ketidakadilan ini.

35. Masyarakat tetap memerlukan undang-undang. Tanpa undang-undang kepincangan akan berlaku yang akan menyebabkan hidup bermasyarakat tidak aman dan bahagia. Tetapi kita perlu ingat bahawa undang-undang dengan sendirinya tidak akan menjamin keadilan.

36. Laungan "The Rule of Law" yang disarankan oleh orang Eropah mungkin mempunyai tujuan yang lain. Mereka ingin menunjuk yang orang lain daripada mereka kolot dan tidak faham akan pentingnya undang-undang untuk kesejahteraan hidup manusia. Dan mereka akan menjadikan tuduhan pemerintahan yang tidak berundang-undang sebagai alasan bagi mereka bertindak ganas terhadap masyarakat yang dituduh. Sebaliknya apabila mereka berhadapan dengan keadaan tertentu, mereka tidak segan-segan bertindak diluar undang-undang mereka sendiri. Janganlah kita terbawa-bawa dengan slogan tanpa mengambilkira agenda dibelakangnya.

37. Keadilan hanya akan terdapat dalam sesuatu masyarakat jika masyarakat itu bertamaddun tinggi dan berpegang kepada nilai-nilai yang mulia. Mereka yang terlibat dengan mendokong keadilan perlu mempunyai sifat-sifat tertentu yang mengutamakan keadilan lebih daripada kepentingan-kepentingan lain, terutamanya kepentingan diri. Pendakwa, hakim, peguam pihak tertuduh perlu ikhlas dan jujur dalam memperdengar dan menimbang bukti dan hujah yang dikemukakan. Segala keputusan dan hukuman hendaklah dibuat mengikut undang-undang berkenaan.

38. Keadaan ideal seperti ini sukar diadakan. Tetapi jika usaha dibuat kearah ini maka keadilan lebih mungkin tercapai. Undang-undang semata-mata tidak menjamin keadilan

walaupun ia berkesan bagi membendung jenayah dan ketidakadilan daripada berleluasa dalam masyarakat.

39. Negara kita menghormati undang-undang. Jika kita bertindak sebelum jenayah berlaku, tindakan itu tertakluk kepada undang-undang. Tidak ada pengecualian bagi sesiapa dalam penguatkuasaan undang-undang. Ini sahaja yang dapat kita lakukan.

40. Sekali lagi ingin saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah sudi menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada saya dan membenarkan saya menyampaikan ucapan ini.

\*\*\*\*